

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan senarai unit kosong atau bermilik bagi perumahan PPR, Rumah Kos Rendah dan Mampu Milik di Kedah dan khususnya parlimen Alor Setar yang telah siap dan dalam pembinaan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Oktober 2019, Kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah siap membina sebanyak 3,624 unit rumah Program Perumahan Rakyat (PPR) di Negeri Kedah dengan 500 unit rumah di PPR Kota Setar terletak di kawasan Parlimen Alor Setar. Tindakan untuk pengisian PPR Kota Setar sedang dilakukan oleh Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah.
2. Selain itu, terdapat 3 projek PPR yang merangkumi 1,286 unit rumah sedang dalam fasa pembinaan di Negeri Kedah.
3. Manakala bagi perumahan mampu milik, berdasarkan Laporan Maklumat Harta Tanah Siap Dibina Tidak Terjual Suku Kedua Tahun 2019 yang diterbitkan oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), sebanyak 11,511 unit rumah siap dibina bernilai RM2.3 bilion tidak terjual daripada 39,787 unit rumah yang dilancarkan bagi kategori harga bawah RM300,000 di seluruh negara. Sekian, terima kasih.